

# Malaysia mahu diadakan seminar antarabangsa bincang takrif keganasan

UM 26 FEB 2002

LONDON 25 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia meminta diadakan seminar antarabangsa untuk membincang takrif keganasan kerana terdapat manusia yang dianggap sebagai pegganas pada suatu masa bertukar menjadi pemimpin dihormati pada masa yang lain.

Perdana Menteri bertanya kenapa Jomo Kenyatta dari Kenya yang dianggap pegganas menjadi rakyat yang dihormati kemudiannya dan Robert Mugabe dari Zimbabwe adalah seorang pegganas dan kemudiannya menjadi presiden.

Ini bererti menjadi pegganas bukan suatu kerja sepenuh masa kerana jika menang mereka akan dihormati, jelasnya disambut dengan tepukan gemuruh oleh lebih 600 orang pelajar Malaysia dalam sesi dialog di Imperial College, sebuah universiti terkemuka dunia, di sini hari ini.

Dr. Mahathir tiba di sini Sabtu lalu dalam rangka lawatan kerja selama lima hari. Esok beliau akan menemui rakan sejawatnya, Tony Blair di No.10 Downing Street.

Kata Perdana Menteri, apabila Kikuya dari Kenya berjuang untuk mencapai kemerdekaan, beliau dipanggil pegganas.

Kenyata adalah seorang pegganas tetapi selepas mendapat kemerdekaan negaranya, beliau dijemput

duduk di meja bersama Ratu Elizabeth dari England dan tidak lagi menjadi pegganas.

Menurutnya, sesiapa juga yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan negara tidak boleh dipanggil pegganas dan untuk menentukan siapakah yang sepatutnya dipanggil pegganas menjadi sebab kenapa Malaysia mencadangkan agar diadakan seminar antarabangsa.

Beliau berkata definisi pegganas boleh dirumuskan melalui tindakan mereka walaupun berjuang untuk mencapai kemerdekaan.

Adalah tidak betul jika mengikat bom di badan dan meletupkannya di pasar raya kerana ramai orang yang tidak berdosa akan menjadi korban dan ini adalah tindakan keganasan.

Dr. Mahathir mahu definisi pegganas dilakukan berasaskan kepada apa yang dilakukan dan bukan berdasar kepada siapakah mereka.

Katanya, oleh kerana dunia bercakap mengenai demokrasi, Malaysia mempunyai hak untuk mempunyai pandangan yang berbeza daripada orang lain.

“Kita berhak mempunyai definisi sendiri mengenai ganas dan keganasan dan kalau tidak dibenarkan bererti dunia telah bersikap *double standard*,” tegasnya.

— Utusan